

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 14 MAC 2015 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Recognising good business ethics	The Star
2.	TPM Biotech bantu komersial produk	Utusan Malaysia
3.	TPM Biotech lantik Dhaya Healthcare sebagai pengedar tunggal	BERNAMA
4.	Agensi Nuklear Malaysia bantu lebih 2,000 pengusaha dalam pelbagai bidang	BERNAMA
5.	Lynas dakwa kilang proses Kuantan punca kerugian	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE STAR (EVENTS) : MUKA SURAT 21
TARIKH : 14 MAC 2015 (SABTU)



An honour: Ewon (second from left) presenting the award to Mediviron Group chairman Datuk Dr Lim Heng Huat (third from left). Looking on are (from left) Tan, Chhit and former Perak state executive councillor Tan Sri Chang Ko Youn.

Recognising good business ethics

Awards honour companies to encourage honest dealings

By RUBY LIM
rubylim@thestar.com.my
Photos by AZHAR MAHFUD



SIXTY companies were awarded for their "honesty" during the 13th Asia Pacific International Honesty Enterprise-Keris Award 2014 recently.

The awards was to encourage honest and ethical business practices in daily business dealings of entrepreneurs and companies.

The categories for the awards were for Honesty Enterprise, Honesty Product and Honesty Entrepreneur.

Event organising chairman Prof Dr Albert Tan said honesty related to both words and action, where great companies and entrepreneurs delivered what they had promised

to customers not only in good times but also during challenging times.

"Profit is undoubtedly the ultimate goal of all businesses, but honesty is always the best policy and it pays to be honest," he added.

In the past 12 years, he said, they had awarded over 500 outstanding companies that had put honesty, ethics and integrity above all else in their business and corporate practices.

"It is heartening to witness the growth of these winning companies, as many began with humble beginnings and are now renowned and became respected brands and corporations globally," Tan added.

This year, another 60 companies nominated from 13 countries were added to the respected enterprises list through a stringent and rigorous process in the three categories. "With the support of Asia

Pacific's municipal governments, business associations, professional organisations and media corporations, this award has become one of the largest recognised international business awards in the Asia Pacific region," said Tan.

The awards, he added, was hailed as the International Business Oscar Award by China Central Television (CCTV).

The ceremony was graced by Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin and Cambodia's Commission on Foreign Affairs International Cooperation, Media and Information vice-chairman Senator Chhit Kim Yeat.

In conjunction with the event, the Asia Pacific International Honesty Enterprise-Keris Award-Book of Records which pays tribute to the winners will be published again and made available throughout Asia by June.



An honest day's work: Tan (front row, seventh from left), Ewon (front row, eighth from left) and Chhit (front row, ninth from left) with special guests and winning entrepreneurs at the 13th Asia Pacific International Honesty Enterprise-Keris Award 2014.

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 17
TARIKH: 14 MAC 2015 (SABTU)**

TPM Biotech bantu komersial produk

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 13 Mac - Pengusaha dan pengeluar produk berdasarkan herba serta bukan herba digesa bekerjasama dengan TPM Biotech Sdn. Bhd. bagi mengkomersialkan produk mereka.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, TPM Biotech, anak syarikat Teknology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. (TPM Corporation) akan membantu pengusaha menghasilkan produk menggunakan kemudahan yang dimilikinya supaya menepati piawaian yang diperlukan.

Katanya, TPM Biotech juga akan membantu dari segi penjenamaan dan membuat reka bentuk pembungkusan yang sesuai untuk tujuan pemasaran.

"Saya berharap, selepas ada saluran untuk pemasaran melalui kerjasama dengan Dhaya Healthcare Sdn. Bhd. (Dhaya Healthcare) akan menarik lebih ramai pengusaha untuk menghasilkan produk mereka dengan bantuan TPM Biotech," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani perjanjian pelantikan Dhaya Healthcare oleh TPM Biotech sebagai pengedar produk Garden Herbs di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Ek-



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (kanan), Ahmad Husni Johari (dua, kanan) dan Thevasagayam Ahamparam (kiri) melihat produk keluaran Herbs Garden pada majlis pelantikan Dhaya Healthcare sebagai pengedar Herbs Garden di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN

sekutif Dhaya International Group, Datuk Thevasagayam Ahamparam dan Ketua Pegawai Eksekutif TPM Biotech, Ahmad Husni Johari.

Sementara itu, Ahamparam berkata, perjanjian pengedaran terabit melibatkan jaminan komitmen kontrak bernilai RM2.6 juta bagi tempoh 18 bulan.

Menurutnya, syarikat menyasarkan produk terbabit diedarkan di farmasi dan klinik kerana ia

berkaitan kesihatan.

"Kami akan mengedarkan 10 jenis produk Garden Herbs terdiri daripada kopi putih dan juga makanan kesihatan yang akan berada di pasaran pada April ini."

"Buat masa ini, kami akan memberi tumpuan mengukuhkan pemasaran produk ini di Malaysia dan menyasarkan untuk memasarkannya di pasaran Asia pada tahun depan," ujarnya.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 14 MAC 2015 (SABTU)



TPM Biotech Lantik Dhaya Healthcare Sebagai Pengedar Tunggal

KUALA LUMPUR, 13 Mac (Bernama) -- TPM Biotech Sdn Bhd, yang merupakan anak syarikat milik penuh Technology Park Malaysia (TPM) Corporation, telah melantik Dhaya Healthcare Sdn Bhd sebagai pengedar tunggal bagi pelbagai produk keluaran di bawah jenama Herbs Garden.

Dengan pelantikan ini, TPM Biotech telah menjamin komitmen kontrak RM2.6 juta tahun ini bagi mengeluarkan pelbagai pilihan produk Herbs Garden.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata kerjasama itu akan memudahkan pertumbuhan keusahawanan dan keusahawan bio melalui kepakaran dan perkhidmatan TPM Biotech.

"Sebelum ini tidak ada saluran yang sesuai bagi membantu pasaran dan pengedaran produk herba yang dibangunkan oleh TPM Biotech, jadi inisiatif ini akan meningkatkan lagi sektor bioteknologi, tambahan pula, negara ini mempunyai herba semulajadi yang banyak dan produk yang sudah tersedia," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Nilai pasaran tahunan bagi sektor farmaseutikal dan penjagaan kesihatan di Malaysia, masing-masing berjumlah RM11.9 bilion dan RM7 bilion.

Katanya, selepas pelancaran jenama Herbs Garden dan Dhaya Healthcare serta majlis menandatangani Memorandum Persefahaman perjanjian antara TPM Biotech dan Dhaya Healthcare.

Dhaya Healthcare yang ditubuhkan tahun ini, merupakan cabang pemasaran untuk penjagaan kesihatan dan produk farmaseutikal Dhaya International Holdings Group.

Perniagaan teras kumpulan itu termasuklah pembuatan komponen untuk penghawa dingin, logistik dan pendidikan.

Abu Bakar ketika bercakap mengenai prospek dalam industri bioteknologi, memberitahu sektor itu mempunyai masa depan yang cerah dan dijangka akan mengekalkan kadar pertumbuhan sebanyak 10 peratus setiap tahun walaupun terdapat ketidaktentuan dalam ekonomi global.

Ini disebabkan oleh peningkatan tahap kesedaran orang ramai mengenai kepentingan gaya hidup sihat serta pemilihan makanan tambahan dan semula jadi.

Sementara itu, Pengurus Eksekutif Dhaya International Group, Thevasagayam Ahamparam berkata produk-produk herba yang akan diedarkan mulai bulan depan termasuk kapsul Misai Kucing, Kacip Fatimah, Kacip Mas, Peria, Pegaga, Sweatenia, Olive Plus, Hempedu Bumi, Tongkat Ali dan kopi Herbs Garden.

Syarikat itu mensasarkan farmasi dan klinik di seluruh negara dalam tahun ini dan merancang untuk menembusi pasaran Asia tahun depan.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 14 MAC 2015 (SABTU)



Agensi Nuklear Malaysia Bantu Lebih 2,000 Pengusaha Dalam Pelbagai Bidang

KOTA BAHARU, 14 Mac (Bernama) -- [Agensi Nuklear Malaysia](#) telah membantu lebih 2,000 pengusaha dalam pelbagai industri di bawah program tanggungjawab sosial korporatnya (CSR) terutama melibatkan produk makanan.

[Pengarah Kanan Program Pengkomersilan dan Perancangan Teknologi Agensi Nuklear Malaysia Mohd Sidek Othman](#) berkata agensi berkenaan memberikan perkhidmatan secara percuma kepada pengusaha kecil dan sederhana (PKS) dalam usaha meningkatkan pendapatan pengusaha terbabit.

"Ada satu bahagian dalam proses pengeluaran di mana mikroorganisme di dalam produk yang dihasilkan perlu dibunuh menggunakan sinaran gamma dan kita beri perkhidmatan tersebut secara percuma kepada mereka.

"Selain itu kita juga melaksanakan pelbagai kempen kesedaran kepada orang awam mengenai keselamatan teknologi nuklear kepada kesihatan manusia dan alam persekitaran," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Saintifik Pengimejan Perubatan ke-40 di sini, Sabtu.

Hadir sama Penolong Pengarah Kanan Cawangan Keselamatan Radiasi dan Kesihatan Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Kementerian Kesihatan Dr Bidi Abdul Hamid dan Pakar Radiologi Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII) Dr Che Mazura Hussain.

Sebanyak enam kertas kerja akan dibentangkan dalam persidangan satu hari itu.

Sementara itu, Bidi berkata menurut laporan yang dikeluarkan Pentadbiran Maklumat Tenaga Amerika Syarikat (EIA), penggunaan sinar X (X-Ray) di negara ini masih lagi terkawal dan hampir setaraf dengan negara maju.

"Kita buat pemeriksaan terhadap mesin sinar X sekurang-kurang sekali dalam tempoh satu atau dua tahun bagi kawalan mutu dan agar ia mencapai tahap yang telah ditetapkan," katanya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 14 MAC 2015 (SABTU)



Lynas Dakwa Kilang Proses Kuantan Punca Kerugian

Oleh Neville D'Cruz

MELBOURNE, 13 Mac (Bernama) -- Pelombong nadir bumi, Lynas Corporation yang mencatatkan hampir dua kali ganda bagi kerugian setengah tahun, menyalahkan operasi kemudahan pemprosesan Malaysia yang perlahan daripada jangkaan serta bergelut dengan kejatuhan harga yang berpanjangan.

Agensi berita Australian Associated Press (AAP) melaporkan Lynas sedang melaksanakan kajian semula operasinya dan membuat perubahan kepada perjanjian hutang memandangkan ia menumpukan kepada pertumbuhan penguasaan pasaran.

Syarikat itu mengurangkan perbelanjaan am dan pentadbiran serta melaksanakan penambahan kecekapan seperti menghentikan operasinya di Sydney dan meningkatkan pemulihan pengeluaran.

Lynas merekodkan kerugian separuh pertama A\$103.5 juta pada 31 Dis, 2014 selepas kerugian setengah tahun A\$59.3 juta pada setahun yang lepas.

Menurut AAP, harga nadir bumi jatuh memandangkan bekalan meningkat dan pengguna produk teknologi tinggi menjadi lebih cekap dan menemui sumber alternatif untuk berdepan dengan penguasaan China dalam pengeluaran dunia.

Lynas turut bergelut untuk meningkatkan operasi pengeluaran dan menjadikan kilang pemprosesannya di Malaysia mencatat keuntungan.

Sahamnya susut lebih daripada 80 peratus pada tahun lepas selepas syarikat merekodkan kerugian setahun A\$366 juta pada 2013/14, kata AAP.

Bagi tempoh enam bulan lepas, liabiliti keseluruhan Lynas meningkat kepada \$650 juta, daripada \$550 juta bagi tempoh enam bulan sebelum itu.

Kemampuan syarikat untuk membayar perbelanjaan operasinya dan prinsipal dan pembayaran faedah disebabkan kemudahan hutang selama 12 bulan akan datang, bergantung kepada faktor seperti jumlah pengeluran, jumlah jualan, belanja operasi dan harga pasaran nadir bumi, kata Lynas.

Ketua Eksekutif Lynas Amanda Lacaze berkata sepanjang setengah tahun, Lynas telah meningkatkan keupayaan teras dan hubungan dengan pelanggan.

"Kemajuan yang berterusan ini diiktiraf oleh dua penyedia utama hutang yang bersetuju mengubah perjanjian hutang kami untuk menyokong pertumbuhan berterusan perniagaan Lynas," kata Lacaze seperti yang dipetik oleh AAP.

Pendapatan pada separuh pertama sebanyak A\$65 juta, meningkat daripada A\$14.6 juta pada tahun sebelumnya.

Syarikat itu tidak mengumumkan dividen.

-- BERNAMA